

25 AUG 2002

Abdullah-Penjelasan

ABDULLAH JELASKAN HASIL PERTEMUAN DENGAN NGO MELAYU

KUALA LUMPUR, 25 Ogos (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menjelaskan bahawa laporan akhbar tempatan hari ini mengenai pertemuan beliau dengan 36 badan bukan kerajaan (NGO) yang mewakili kepentingan Melayu adalah tidak tepat dan tidak betul.

Katanya mereka tidak menentang usaha untuk meningkatkan pengajaran dan pembelajaran bahasa Inggeris supaya para pelajar lebih cekap dan mahir menggunakan bahasa itu.

Beliau menegaskan mereka juga berpendapat kelemahan pelajar Melayu dalam bidang sains dan teknologi tidak boleh dipersalahkan kerana menggunakan Bahasa Malaysia untuk matapelajaran itu.

"Yang perlu diusahakan ialah kaedah mengajar matapelajaran-matapelajaran itu dipertingkatkan supaya lebih berkesan," katanya kepada Bernama.

Abdullah berkata mereka juga mahu melihat usaha-usaha yang lebih berkesan untuk meningkatkan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Malaysia di sekolah supaya bahasa itu dimartabatkan sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa ilmu.

Pertemuan itu diadakan di ibu pejabat Umno di sini semalam.

Mengenai cadangan khusus penggunaan bahasa Inggeris untuk matapelajaran Sains dan Matematik di sekolah, Abdullah berkata tidak ada persetujuan menyeluruh mengenai perkara itu.

"Ada yang bersetuju dan ada yang tidak," katanya.

Beliau berkata mereka bagaimanapun bukan anti-dasar bahasa Inggeris.

Katanya beliau akan mengemukakan pandangan mereka kepada kerajaan khususnya Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya cadangan-cadangan berkenaan dapat diberi perhatian apabila kerajaan hendak membuat keputusan mengenai perkara itu.

Timbalan Perdana Menteri membuat penjelasan itu kerana akhbar-akhbar hari ini melaporkan bahawa 36 NGO itu bersetuju dengan penggunaan bahasa Inggeris dalam pengajaran matapelajaran Sains dan Matematik di sekolah-sekolah bermula tahun depan.

-- BERNAMA

AZZ AZZ RON